

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA  
JABATAN PERTANIAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN



No. Sebutharga : PPN.KDH (N) : 43 / 2021

**TAJUK KERJA : SEBUTHARGA KERJA-KERJA PENYEDIAAN TANAH TERMASUK PERATAAN SAWAH DAN PENGAPURAN DI PROJEK PADI SAWAH GEMILANG KG TANJUNG BELIT, DAERAH SIK, KEDAH DARUL AMAN.**

**Syarat-syarat Khas Sebutharga :-**

1. Pelawaan adalah dibuka kepada Kontraktor yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**, mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** dalam **Gred G1 (Daerah Sik)** dibawah kategori **CE** pengkhususan **CE 21 Atau CE 36** dan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dengan **sijil Taraf Bumiputra** .
2. Pembekal yang berminat untuk menyertai Tawaran Sebutharga ini **diwajibkan** untuk mendaftarkan Nama dan Maklumat syarikat **dan menyertakan salinan** Sijil Pendaftaran Asal dan Perakuan Pendaftaran Asal yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputra oleh PKK di lokasi berikut:

**PEJABAT PERTANIAN DAERAH SIK  
08200 SIK  
KEDAH DARUL AMAN  
NO. TEL : 04-4695275**

- pada waktu pejabat mulai **10 Mac 2021**. Dokumen sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang ditauliahkan atau wakil-wakil kontraktor yang membawa surat wakil kuasa dari pegawai yang ditauliahkan seperti dalam sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan pada hari lawatan tapak. Kontraktor atau wakil kontraktor hendaklah membawa **Sijil Pendaftaran Asal** dan **Perakuan Pendaftaran Asal** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) serta **Sijil Taraf Bumiputra** oleh **PKK**. **Dokumen sebutharga boleh dibeli dengan harga RM 10.00 (Ringgit Sepuluh Sahaja)**. **Bayaran ini tidak akan dikembalikan. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk tunai.**
3. **Lawatan ketapak pembinaan adalah tidak diwajibkan** . Walaubagaimanapun, kontraktor adalah dijemput menghadiri taklimat ringkas berkaitan spesifikasi kerja yang akan diadakan pada **10 Mac 2021 (Rabu)**. Kontraktor yang berminat boleh berhimpun di **Pejabat Pertanian Daerah Sik , Kedah** pada tarikh tersebut pada jam **10.00pg**. Sila memakai pelitup muka bagi mencegah penularan dan memutuskan rantaian jangkitan **COVID-19** serta mematuhi **SOP** ditetapkan kerajaan dan amalkan norma baharu. Kontraktor/wakil yang mempunyai gejala atau tidak mematuhi **SOP** tidak akan dibenarkan menghadiri taklimat ini.
  4. Pihak Jabatan ini tidak semestinya menerima tawaran yang paling murah dan keputusan **Jawatankuasa Sebutharga** adalah muktamad.

  
**MOHD AZWA SHAH BIN AHMAD, PJK.**  
Timbalan Pengarah Pertanian Negeri (Operasi)  
Jabatan Pertanian Negeri Kedah

No. Sebutharga : PPN.KDH (N) : 43 / 2021

**TAJUK KERJA : SEBUTHARGA PENYEDIAAN TANAH TERMASUK PERATAAN SAWAH DAN PENGAPURAN DI PROJEK PADI SAWAH GEMILANG TANJUNG BELIT, DAERAH SIK, KEDAH DARUL AMAN.**

5. Sebutharga ini akan **ditutup** pada **17 Mac 2021 ( Rabu )**. Semua dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat serta bertulis bilangan **No. Sebutharga** dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga di Pejabat Pertanian Daerah Sik**, tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada hari tersebut.
6. Semua kontraktor yang ingin menyertai sebutharga ini diwajibkan mendaftar **secara atas talian** melalui platform **iDAFTAR** yang boleh di capai melalui portal **<https://idaftar.kedah.gov.my>**
7. Sekiranya ada sebarang masalah, kontraktor dipohon untuk berhubung terus dengan **Seksyen Perolehan Ibupejabat Pertanian Telok Chengai** di No. Telefon **04-7775000** . Pegawai yang boleh dihubungi ialah **En Ruzli bin Mustafa**

**s.k.**

**Tuan Pengarah Pertanian Negeri.**

**Di Iklankan pada 2 Mac 2021**